

Remaja Palestin anggap kita bertuah

Oleh OPAT
RATTANACHOT.

M 18 FEB 2003
KUALA LUMPUR 17

Feb. — Tiga remaja rakyat Palestin yang berpeluang mengikuti rombongan tajaan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) menyifatkan rakan-rakan sebaya mereka di negara ini sebagai golongan bertuah kerana dapat menikmati alam persekolahan dengan sempurna.

Seorang remaja, **Mohammad Kahlad Hussien**, 16, berkata, rakan-rakannya di Malaysia tidak perlu memikirkan tentang ancaman peperangan seperti yang berlaku di Palestin.

16, suasana persekolahan di negara ini jauh lebih baik.

"Di Gaza, Palestin, kanak-kanak tidak berpeluang berkumpul untuk menjalankan aktiviti persekolahan seperti di sini.

"Ini adalah kerana hanya ada beberapa orang saja rakan di dalam kelas. Yang lainnya sudah terkorban akibat peperangan," ujarnya sedih.

"Mereka hanya perlu menjalankan tanggungjawab terbaik untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak mungkin.

"Secara jujur boleh saya katakan, saya amat cemburu dengan remaja di negara ini. Mereka dapat pergi ke sekolah tanpa sebarang gangguan.

"Bagi saya, keadaan di sini jauh berbeza di negara kami. Di sana, tiada lagi sekolah yang sama bentuknya seperti di Malaysia dan ini juga bermakna peluang pendidikan bagi kami adalah tertutup," katanya di sini hari ini.

Dia ditemui *Utusan Malaysia* pada Majlis Meraikan Warga Palestin-Aman Ma-

laysia anjuran Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKKM) di sini hari ini.

Hadir meraikan mereka ialah Yang Dipertua MKKKM, Datin Paduka Siti Zaleha Ismail, beberapa ahli Exco Pergerakan Puteri UMNO dan 10 pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Nirwana, Kuala Lumpur.

Remaja Palestin terbabit merupakan antara 11 rakyat Palestin yang mengikuti rombongan tajaan Aman Malaysia sempena kempen keamanan yang dianjurkan khusus pada Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini dari 20 hingga 25 Februari ini.

"Semua perkara yang dilakukan setakat ala kadar kerana masing-masing tahu, keganasan boleh berlaku bila-bila masa saja," katanya.

Bagi penyelaras rakyat Palestin, **Mohamed Shaker**, lawatan ke Malaysia kali ini merupakan satu peluang terbaik dalam hidupnya.

Seorang lagi remaja dari Gaza, **Heba Samir Sabiah**, 16, berkata, golongan remaja dan kanak-kanak di negara ini perlu bersyukur atas perjuangan pemimpin mereka untuk memelihara keamanan berkekalan.

"Kami amat kagum dengan kepimpinan Perdana Menteri anda (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad).

"Oleh itu, nasihat saya kepada rakan-rakan ialah jangan sekali-kali membela-kangkan perjuangan pemimpin anda dalam mengekalkan keamanan.

"Fikirkanlah, betapa bertuah anda dapat menikmati segala-galanya," katanya.

Bagi **Safa'a Aldhshan**,

Katanya, segala pengalaman pahit mereka di tanah air sendiri akan diceritakan kepada rakyat Malaysia yang sentiasa cintakan keamanan.

"Diharapkan perkara yang kami ceritakan ini dapat dijadikan iktibar kepada semua rakyat Malaysia bahawa peperangan bukanlah segala-galanya," katanya.